JOBNAME: No Job Name PAGE: 1 SESS: 1 OUTPUT: Wed Jul 16 08:48:09 2014

Ryoshindoh Manufacturing Sdn Bhd lwn Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — PERMOHONAN SEMAKAN KEHAKIMAN NO 14–5–04 TAHUN 2013
ZALEHA YUSOF H
24 SEPTEMBER 2013

Undang-Undang Hasil — Cukai pendapatan — Elaun modal — 'Earth chamber' — 'Earth chamber' dibina pada bangunan secara berasingan dan pada tahun berasingan — Notis tiada cukai bagi tahun taksiran 2001 dan 2004 — Sama ada beban pembuktian berhubung notis pemberitahuan tidak dikenakan cukai pendapatan bagi tahun taksiran 2001 dilepaskan — Sama ada perbelanjaan modal bagi pembinaan earth chamber layak mendapat elaun bangunan industri — Akta Cukai Pendapatan 1967

Perayu merupakan pengeluar *precision dual gauge* dan mengeluarkan dan membekalkan sejalur kuprum dan kuprum aloi. Perayu mendapat nasihat profesional daripada ejen cukai Tetuan Arthur Andersen dan Tetuan KPMG Tax Services Sdn Bhd. Setelah menjalankan aktiviti audit di premis perayu, responden tidak membenarkan perbelanjaan untuk elaun modal ke atas perbelanjaan modal berjumlah RM4,950 untuk *earth chamber* pada tahun taksiran 2001 atas alasan *earth chamber* bukan bangunan industri dan bukan sebahagian daripada bangunan; dan potongan di bawah s 33(1) Akta Cukai Pendapatan 1967 ('ACP') bagi pembayaran sebanyak RM2,026,342 bagi *dual gauge* dan *copper coils* yang rosak kepada Mitsubishi Shindoh Co Ltd dalam tahun taksiran 2004 atas alasan pembayaran tersebut tidak dilakukan dalam menghasilkan pendapatan perayu. Bangunan kilang perayu dibina pada tahun 1997 manakala *earth chamber* hanya dibina pada tahun 2001 secara berasingan daripada bangunan kilang dan hanya disambungkan dengan bangunan kilang melalui pendawaian batang kuprum kepada batang yang dipasang di atas bumbung bangunan kilang. Mitsubishi Shindoh juga adalah syarikat di bawah Mitsubishi Group. Perayu adalah pengilang kontrak kepada Mitsubishi Shindoh. Perayu mengilangkan produk untuk Mitsubishi Shindoh berdasarkan arahan dan spesifikasi Mitsubishi Shindoh. Perayu dan Mitsubishi Shindoh telah menandatangani *quality assurance agreement* dan memasuki perjanjian pemasaran. Apabila Mitsubishi Shindoh menerima aduan terhadap barangan yang dibekalkan, Mitsubishi Shindoh akan menyerahkan barangan kepada perayu untuk siasatan dan jika didapati kerosakan berpunca daripada proses pengilangan, Mitsubishi Shindoh akan membayar ganti rugi kerosakan kepada pelanggannya dan menuntut kembali jumlah pampasan waranti daripada perayu. Responden telah mengeluarkan notis tiada cukai yang dikenakan bagi tahun taksiran 2001 dan 2004 dan perayu merayu terhadap

JOBNAME: No Job Name PAGE: 2 SESS: 1 OUTPUT: Wed Jul 16 08:48:09 2014

notis-notis tersebut. Isu-isu yang timbul untuk diputuskan adalah sama ada responden berjaya melepaskan beban pembuktian berhubung dengan notis pemberitahuan tidak dikenakan cukai pendapatan bagi tahun taksiran 2001; sama ada perbelanjaan modal sebanyak RM4,950 yang dibelanjakan perayu bagi pembinaan *earth chamber* layak mendapat elaun bangunan industri di bawah ACP; dan sama ada bayaran waranti RM2,026,342 oleh perayu kepada Mitsubishi Shindoh dibenarkan sebagai potongan di bawah s 33(1) ACP.

Diputuskan, membenarkan rayuan perayu dan menolak rayuan responden dengan kos:

(1) PKCP telah khilaf apabila mengambil kira perjanjian pemasaran kerana perjanjian tersebut tidak ada kena mengena dengan bayaran waranti dan ia hanyalah berkaitan dengan pemasaran produk-produk Mitsubishi Shindoh di Asia Tenggara. Perayu dilantik di bawah klausa 1 perjanjian pemasaran yang merupakan perjanjian yang berlainan daripada *quality assurance agreement*. Memandangkan bayaran waranti dibuat atas kekurangan dari segi kualiti barangan perayu, *quality assurance agreement* adalah perjanjian yang wajar dirujuk berbanding perjanjian pemasaran. Tambahan lagi, penghasilan barangan perayu sememangnya dalam perjalanan perniagaan perayu dan jika barangan rosak, pelanggan perlu dipampas (lihat perenggan 9–10).

(2) Adalah tidak dipertikaikan bahawa taksiran yang dibuat telah melebihi enam tahun dan di bawah s 91(3) ACP, responden hendaklah menunjukkan kecuaian di pihak perayu. Namun begitu, keterangan menunjukkan bahawa tiada kecuaian di pihak perayu dalam membuat taksiran untuk tahun 2001. Sememangnya PKCP mendapati bahawa tidak terdapat keterangan-keterangan yang menunjukkan bahawa perayu telah cuai dan dakwaan responden hanyalah dakwaan semata-mata (lihat perenggan 12).

(3) Walaupun *earth chamber* dipasang selepas kilang tersebut dibina, ianya tetap boleh dianggap sebagai sebahagian daripada kilang berdasarkan *entirety test*. Sememangnya *earth chamber* secara keseluruhannya merupakan sebahagian daripada kilang tersebut kerana tanpanya kilang itu tidak mungkin dapat menjalankan aktiviti dan fungsinya dengan sempurna. Ini memandangkan kerana sebagai alat perlindungan petir, *earth chamber* boleh melindungi keselamatan kilang dan pekerja-pekerjanya daripada musnah kebakaran akibat disambar petir; memandangkan kilang menyimpan stok tembaga dalam kuantiti yang besar. *Earth chamber* tidak boleh disamakan dengan label komunikasi seperti yang dihujahkan oleh pihak responden (lihat perenggan 13).

JOBNAME: No Job Name PAGE: 3 SESS: 1 OUTPUT: Wed Jul 16 08:48:09 2014

[English summary

The appellant was the manufacturer of precision dual gauge and manufactured and supplied a strip of copper and copper alloys. The appellant sought professional advice from the taxation agent of Messrs Arthur Andersen and Messrs KPMG Tax Services Sdn Bhd. Having carried out auditing activities at the appellant's premises, the respondent did not not allow expenditure on capital allowances on the expenditure of profit in the sum of RM4,950 for earth chamber for the year of assessment 2001 on the ground that earth chamber was not industrial building and was not part of a building; and deduction under s 33(1) of the Income Tax Act 1967 ('ITA') for the payment of RM2,026,342 for spoilt dual gauge and copper coils to Mistubishi Shindoh Co Ltd in the year of assessment of 2004 on the ground that the said payment was not carried out in generating income for the appellant. The appellant's factory building was built in 1997 while the earth chamber was only built in 2001 separately from the factory building and was only joined with the factory building via wiring of copper to a trunk installed on the roof of the factory building. Mitsubishi Shindoh was also a company under Misubishi Group. The appellant was a contract manufacturer to Mitsubishi Shindoh. The appellant and Mitsubishi Shindoh had executed quality assurance agreement and had entered a marketing agreement. When Mitsubishi Shindoh received complaints on the manufactured goods, Mitsubishi Shindoh would hand the goods to the appellant for investigation and if it was found that the damages resulted from manufacturing processes, Mitsubishi Shindoh would pay damages for defects to its customers and claim for warranty damages from the appellant. The respondent had issued no tax notice for the assessment years of 2001 and 2004 and the appellant appealed against the said notices. The issues that arose for determination was whether the respondent succeeded in discharging the burden of proof in relation to the notification of no tax for income for the assessment year 2001; whether the capital expenditure of RM4,950 spent by the appellant for the building of the earth chamber was entitled to the industrial building allowance under the ITA; and whether the warranty payment of RM2,026,342 by the appellant to Mitsubishi Shindoh was allowed as deduction under s 33(1) of the ITA.

Held, allowing the appellant's appeal and dismissing the respondent's appeal with costs:

(1) PKCP erred when it took into account the marketing agreement as the said agreement had no connection to the warranty payment and it was only in relation to the marketing of Mitsubishi Shindoh products in South East Asia. The appellant was appointed under cl 1 of the marketing agreement which was a separate agreement from the quality assurance agreement. Since the payment of the warranty was made on the lack of the appellant's quality of goods, the quality assurance agreement was an agreement that should be referred as compared to the marketing

JOBNAME: No Job Name PAGE: 4 SESS: 1 OUTPUT: Wed Jul 16 08:48:09 2014

agreement. In addition to that, the manufacturing of the appellant was in the due course of the appellant's business and if there were defective goods, customers must be compensated (see paras 9–10).

(2) It was undisputed that the taxation carried out had exceeded six years and under s 91(3) of the ITA, the respondent must show negligence on the appellant's part. However, evidence showed that there was negligence on the appellant's part in taxation for year 2001. Indeed, PKCP did not have any evidence to show that the appellant was negligent and the respondent's allegations were mere allegations (see para 12).

(3) Even though the earth chamber was installed after the factory was built, it could still be regarded as part of the factory based on the entirety test. Indeed, the earth chamber as a total was part of the factory because without the factory, it was impossible for it to carry out its activities and functions smoothy. This was so since as a lightning protector device, the earth chamber could ensure the safety of the factory and its workers from destruction of fire due to lightning; since the factory kept a stock of copper in a big amount. The earth chamber could not be likened to communication labels as averred by the respondent (see para 13).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai elaun modal, lihat 10 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2013 Reissue) perenggan 2763.

Kes-kes yang dirujuk

Director-General of Inland Revenue v C [1975] 1 MLJ 181 (dirujuk)
Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri v Debir Desa Development Sdn Bhd (No R1–14–20 Tahun 2007) (tidak dilaporkan) (dirujuk)
Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri v Sucess Electronics & Transformer Manufacturing Sdn Bhd (Rayuan Sivil No W–01–429 Tahun 2011) (tidak dilaporkan), MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Cukai Pendapatan 1967 ss 33(1), 91(1), (3), Jadual 5, perenggan 34

Palanaban a/l Devarajoo (Saravana Kumar a/l Segaran bersamanya) (Lee Hishamuddin Allen & Gledhill) bagi pihak perayu.
Ahmad Isyak bin Mohd Hassan (Seri Hanem bt Mohd Ayob bersamanya) (Lembaga Hasil Dalam Negeri) bagi pihak responden.

Zaleha Yusof H:

[1] Kedua-dua pihak, Ryoshindoh perayu di hadapan Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan ('PKCP') dan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri responden di hadapan PKCP, telah memfailkan rayuan terhadap keputusan

JOBNAME: No Job Name PAGE: 5 SESS: 1 OUTPUT: Wed Jul 16 08:48:09 2014

PKCP melalui perintah pemutus bertarikh 12 Oktober 2012. Di sini, Ryoshindoh ('perayu') dan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri ('responden').

FAKTA KES SEPERTI DI DI DALAM KES DINYATAKAN

[2] Perayu adalah syarikat yang ditubuhkan di Malaysia dan merupakan ahli gabungan Mitsubishi yang juga adalah pengilang kontrak bagi Mitsubishi. Perniagaan perayu adalah mengeluarkan 'precision dual gauge' dan mengeluarkan dan membekalkan sejalur kuprum dan kuprum aloi. Perayu mendapat nasihat profesional daripada ejen cukai Tetuan Arthur Andersen dan Tetuan KPMG Tax Services Sdn Bhd.

[3] Setelah menjalankan aktiviti audit di premis perayu pada 21 Januari 2008, responden tidak membenarkan perbelanjaan seperti berikut:

(a) elaun modal ke atas perbelanjaan modal berjumlah RM4,950 untuk *earth chamber* pada tahun taksiran 2001 atas alasan *earth chamber* bukan bangunan industri dan bukan sebahagian bangunan;

(b) potongan di bawah s 33(1) Akta Cukai Pendapatan ('ACP') 1967 bagi pembayaran sebanyak RM2,026,342 bagi *dual gauge* dan *copper coils* yang rosak kepada Mitsubishi Shindoh Co Ltd dalam tahun taksiran 2004 atas alasan pembayaran tersebut tidak dilakukan dalam menghasilkan pendapatan perayu; dan

(c) bangunan kilang perayu dibina dalam tahun 1997 manakala *earth chamber* hanya dibina dalam tahun 2001. *Earth chamber* dibina berasingan daripada bangunan kilang dan hanya disambungkan dengan bangunan kilang melalui pendawaian batang kuprum kepada batang yang dipasang di atas bumbung bangunan kilang. Mitsubishi Shindoh juga adalah syarikat di bawah Mitsubishi Group. Perayu adalah pengilang kontrak kepada Mitsubishi Shindoh. Perayu mengilang produk untuk Mitsubishi Shindoh berdasarkan arahan dan spesifikasi Mitsubishi Shindoh. Mitsubishi Shindoh adalah pelanggan perayu. Barang-barang yang dikilang perayu mengikut arahan dan spesifikasi adalah milik Mitsubishi Shindoh. Mitsubishi Shindoh menjual barang-barang yang dikilang perayu mengikut arahan dan spesifikasi Mitsubishi Shindoh kepada pihak ketiga iaitu pelanggan Mitsubishi Shindoh. Perayu dan Mitsubishi Shindoh telah menandatangai *quality assurance agreement* pada 1 Ogos 1997 dan juga memasuki perjanjian pemasaran bertarikh 1 Januari 2002.

[4] Apabila Mitsubishi Shindoh menerima aduan terhadap barangan yang dibekalkan, Mitsubishi Shindoh akan menyerahkan barangan kepada perayu untuk siasatan dan jika didapati kerosakan berpunca daripada proses pengilangan, Mitsubishi Shindoh akan membayar ganti rugi kerosakan kepada

JOBNAME: No Job Name PAGE: 6 SESS: 1 OUTPUT: Wed Jul 16 08:48:09 2014

pelanggannya dan menuntut kembali jumlah pampasan waranti daripada perayu. Responden telah mengeluarkan notis tiada cukai yang dikenakan bagi tahun taksiran 2001 dan 2004 pada 7 Mei 2010. Perayu memfailkan notis rayuan terhadap notis-notis tersebut pada 12 Mei 2010.

Isu-isu untuk keputusan Panel PKCP adalah seperti berikut:

(a) Isu pertama: Sama ada responden berjaya melepaskan beban pembuktian berhubung dengan notis pemberitahuan tidak dikenakan cukai pendapatan bagi tahun taksiran 2001. Sekiranya gagal, notis tersebut adalah batal dan tidak sah;

(b) Isu kedua: Sekiranya responden berjaya melepaskan beban pembuktian tersebut, sama ada perbelanjaan modal sebanyak RM4,950 yang dibelanjakan perayu bagi pembinaan *earth chamber* layak mendapat elaun bangunan industri di bawah ACP 1967; dan

(c) Isu ketiga: Sama ada pembayaran waranti RM2,026,342 oleh perayu kepada Mitsubishi Shindoh dibenarkan sebagai potongan di bawah s 33(1) ACP 1967.

ALASAN PENGHAKIMAN PKCP

[5] PKCP menyampaikan keputusan pada 12 Oktober 2012 dengan alasan seperti berikut:

(a) Isu pertama

Seksyen 91(1) ACP 1967 memperuntukkan bahawa responden boleh mengeluarkan taksiran atau taksiran tambahan dalam masa enam tahun selepas tamat tempoh membuat taksiran atau taksiran tambahan tersebut. PKCP memutuskan bahawa notis pemberitahuan tiada cukai dikenakan adalah taksiran sebagaimana yang diperuntukkan oleh s 91(1) ACP 1967. Responden bersetuju bahawa taksiran yang dibuat adalah melebihi enam tahun kerana dihantar pada 7 Mei 2010 tetapi berhujah bahawa perayu telah cuai dan maka responden boleh membuat taksiran pada bila-bila masa seperti diperuntukkan s 91(3) ACP 1967. PKCP membuat dapatan bahawa responden gagal untuk membuktikan kecuaian perayu dan tidak mengemukakan sebab berkenaan kelewatan taksiran tersebut, maka notis tiada cukai dikenakan yang dihantar pada 7 Mei 2010 adalah melebihi had masa enam tahun dan adalah batal dan tidak sahih;

(b) Isu kedua

PKCP menyatakan bahawa berdasarkan keputusan bagi isu pertama, rayuan perayu bagi penolakan tuntutan ke atas *earth chamber* patut dibenarkan. Selain itu, PKCP membuat dapatan bahawa *earth chamber* adalah sebahagian daripada bangunan industri yang berada di

JOBNAME: No Job Name PAGE: 7 SESS: 1 OUTPUT: Wed Jul 16 08:48:09 2014

kompleks kilang walaupun dipasang selepas bangunan kilang dibina kerana pemasangan *earth chamber* adalah untuk tujuan keselamatan pekerja dan jentera dalam kilang. PKCP memutuskan bahawa perbelanjaan modal berjumlah RM4,950 untuk *earth chamber* layak untuk elaun bangunan industri pada tahun taksiran 2001; dan

(c) Isu ketiga:

PKCP membuat dapatan bahawa menurut perjanjian pemasaran, perayu tidak perlu bertanggungjawab atas apa-apa masalah kualiti atau kerugian oleh Mitsubishi Shindoh. Alasan tambahan PKCP adalah tiada otoriti spesifik untuk membenarkan pembayaran ganti rugi waranti untuk barangan cacat yang terhasil mendapatkan potongan di bawah s 33(1) ACP 1967. Maka PKCP memutuskan bahawa hanya perbelanjaan yang dibuat untuk mengilang barangan tidak cacat adalah layak untuk mendapat potongan kerana barangan tidak cacat akan membawa keuntungan apabila dijual. PKCP memutuskan bahawa responden adalah betul apabila tidak membenarkan pembayaran waranti RM2,026,342 oleh perayu kepada Mitsubishi Shindoh sebagai potongan di bawah s 33(1) ACP 1967.

[6] Perayu tidak berpuas hati dan merayu terhadap isu ketiga melalui notis rayuan bertarikh 30 Oktober 2012 manakala responden merayu terhadap isu pertama dan kedua melalui notis rayuan bertarikh 1 November 2012. Masing-masing meminta PKCP menyatakan satu kes untuk pendapat Mahkamah Tinggi selaras dengan perenggan 34 Jadual 5, Akta Cukai Pendapatan 1967.

[7] Hujahan perayu:

(a) Isu ketiga:

(i) PKCP gagal mempertimbangkan perniagaan perayu iaitu operasi menghasilkan pendapatan berkenaan *dual gauge coils*. Menurut *quality assurance agreement*, perayu perlu memastikan bahawa produk-produknya mencapai kualiti yang ditetapkan Mitsubishi Shindoh. Ini juga menurut budaya perniagaan di Jepun di mana janji berkenaan kualiti tidak perlu sesuatu perjanjian khas dimasuki. Perayu merupakan syarikat Jepun;

(ii) pembayaran waranti oleh perayu kepada Mitsubishi Shindoh adalah di bawah tanggungjawab kontrak sekiranya terdapat kegagalan di pihak perayu untuk mencapai kualiti yang ditentukan oleh Mitsubishi Shindoh. Pembayaran waranti adalah berkaitan dengan penghasilan pendapatan perayu;

(iii) perjanjian pemasaran tiada kaitan langsung dengan isu di sini

JOBNAME: No Job Name PAGE: 8 SESS: 1 OUTPUT: Wed Jul 16 08:48:09 2014

kerana pembayaran waranti tiada kaitan dengan perjanjian pemasaran tersebut. PKCP gagal mempertimbangkan kandungan dan tujuan perjanjian pemasaran tersebut. Aktiviti pengeluaran perayu dan gerenti kualiti termasuk di bawah *quality assurance agreement*;

(iv) PKCP menyatakan tiada otoriti dikemukakan kepada mereka tetapi empat kes telah dikemukakan dalam hujahan bertulis perayu di hadapan PKCP; dan

(v) PKCP terkhilaf apabila mentafsir frasa 'untuk tujuan memperoleh pendapatan' untuk bermaksud bahawa pembayaran waranti perlu menghasilkan pendapatan untuk perayu padahal pembayaran waranti dibuat dalam menjalankan perniagaan perayu,

(b) Isu pertama dan kedua:

(i) PKCP tidak terkhilaf dalam keputusan mereka berkenaan isu pertama dan kedua. Notis pemberitahuan tiada cukai dikenakan bagi tahun taksiran 2001 telah dihad oleh tempoh masa. Perayu tidak cuai kerana telah mendapatkan nasihat profesional daripada firma konsultan cukai yang berwibawa, telah memberi kerjasama kepada responden dengan membuat pendedahan penuh, dan responden tidak memberi sebab menjustifikasikan notis pemberitahuan tiada cukai dikenakan bagi tahun taksiran 2001 yang dihad oleh tempoh masa itu. Perayu berhujah bahawa responden tidak membuktikan kecuaian perayu; dan

(ii) semasa pemeriksaan balas saksi perayu, saksi perayu menyatakan bahawa *earth chamber* adalah sebahagian bangunan kilang yang mustahak atas alasan keselamatan kilang yang menyimpan banyak stok kuprum. Responden tidak mencabar keterangan saksi perayu tersebut. Justeru responden dianggap telah menerima keterangan tersebut.

[8] Hujahan responden

(a) Isu pertama dan kedua:

(i) perayu telah melakukan kecuaian dalam menyediakan taksiran untuk tahun taksiran 2001 kerana membuat tuntutan bagi elaun bangunan industri bagi *earth chamber* yang bukan merupakan bangunan atau sebahagian bangunan kilang;

(ii) mahkamah yang mendengar rayuan boleh mengubah keputusan PKCP atas alasan menyalah tafsir undang-undang, membuat keputusan undang-undang yang tidak disokong fakta-fakta utama, dan membuat keputusan undang-undang dan fakta yang tidak

JOBNAME: No Job Name PAGE: 9 SESS: 1 OUTPUT: Wed Jul 16 08:48:09 2014

mungkin dicapai oleh PKCP yang munasabah yang mengarahkan diri mereka dengan betul;

(iii) PKCP terkhilaf apabila memutuskan bahawa responden gagal membuktikan kecuaian perayu atas alasan perayu telah bekerjasama, perayu telah membuat pendedahan dokumen sepenuhnya dan telah melantik KPMG untuk bertindak bagi pihak mereka;

(iv) dapatan PKCP bahawa *earth chamber* adalah sebahagian bangunan kilang kerana ia disambungkan kepada bangunan kilang melalui batang kuprum tidak bermerit kerana jika dapatan ini terpakai, kabel telekomunikasi pun akan dianggap sebagai sebahagian bangunan kilang;

(v) bangunan kilang telah beroperasi sekurang-kurangnya dua tahun tanpa *earth chamber* maka kilang itu sebenarnya dapat berfungsi walaupun tiada *earth chamber*; dan

(vi) tuntutan untuk *earth chamber* menunjukkan kecuaian perayu maka notis taksiran untuk tahun taksiran 2001 adalah sah.

KEPUTUSAN

[9] Setelah meneliti kertas-kertas kausa dan hujahan pihak-pihak, saya bersetuju dengan pihak perayu dan mengguna pakai hujahannya sepenuhnya. Saya juga ingin menekankan isu-isu seperti yang berikut. Berkenaan dengan isu ketiga, saya bersetuju bahawa PKCP telah khilaf apabila mengambil kira perjanjian pemasaran yang bertarikh 1 November 2002 itu. Dari penelitan saya, perjanjian pemasaran itu tidak ada kena mengena dengan bayaran waranti itu dan ia hanyalah berkaitan dengan pemasaran produk-produk Mitsubishi Shindoh di Asia Tenggara. Muka surat 98 eksh E dengan jelas menyatakan bahawa perayu dilantik di bawah klausa 1 perjanjian pemasaran:

(a) To investigate the demand trend of copper and copper alloy strips article and lead frame for IC and transistor in the South East;

(b) To provide marketing support to the South East Asia market; and

(c) To give after sales service and support to customers in the South East Asia.

[10] Jelaslah bahawa perjanjian pemasaran itu adalah perjanjian yang berlainan daripada *quality assurance agreement*. Memandangkan pembayaran waranti adalah dibuat di atas kekurangan dari segi kualiti barangan perayu, saya berpendapat bahawa *quality assurance agreement* adalah perjanjian yang wajar dirujuk berbanding perjanjian pemasaran. Lagipun, penghasilan barangan perayu memang dalam perjalanan perniagaan perayu dan jika barangan rosak, pelanggan perlu dipampas.

JOBNAME: No Job Name PAGE: 10 SESS: 1 OUTPUT: Wed Jul 16 08:48:09 2014

[11] Berkenaan dengan isu pertama dan kedua pula, saya berpendapat bahawa keputusan PKCP adalah berlandaskan dapatan fakta yang tidak boleh diganggu oleh mahkamah ini melalui keterangan-keterangan yang diberi oleh AW1 dan AW2.

[12] Berkenaan isu pertama, adalah tidak dipertikaikan bahawa taksiran yang dibuat telah melebihi enam tahun dan di bawah s 91(3) ACP, responden hendaklah menunjukkan kecuaian di pihak perayu. Namun keterangan AW1 dan AW2 menunjukkan bahawa tiada kecuaian di pihak perayu dalam membuat taksiran untuk tahun 2001. Sememangnya PKCP mendapati tidak ada bukti-bukti yang menunjukkan bahawa perayu telah cuai dan dakwaan responden tinggal dakwaan semata-mata. Rujuk kes *Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri v Debir Desa Development Sdn Bhd* (No R1–14–20 Tahun 2007).

[13] Berkenaan dengan isu kedua pula, saya juga bersetuju dengan responden bahawa walaupun 'earth chamber' itu dipasang selepas kilang itu dibina, ianya tetap boleh dianggap sebagai sebahagian daripada kilang itu berdasarkan 'entirety test' seperti yang diperuntukan di dalam kes *Director-General of Inland Revenue v C* [1975] 1 MLJ 181 dan *Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri v Sucess Electronics & Transformer Manufacturing Sdn Bhd* , keputusan Mahkamah Rayuan dan *Civil Appeal No* W-01–429 tahun 2011. Saya berpendapat sememangnya 'earth chamber' secara keseluruhannya itu merupakan sebahagian daripada kilang itu kerana tanpanya kilang itu tidak mungkin dapat menjalankan aktiviti dan fungsinya dengan sempurna. Ini memandangkan sebagai alat perlindungan petir, 'earth chamber' itu boleh melindungi keselamatan kilang dan pekerja-pekerjanya dari musnah kebakaran akibat disambar petir; memandangkan kilang itu menyimpan stok tembaga dalam kuantiti yang besar. Pada pandangan saya, 'earth chamber' tidak boleh disamakan dengan label komunikasi seperti yang dihujahkan oleh pihak responden.

[14] Berdasarkan alasan-alasan di atas, saya membenarkan rayuan perayu dan menolak rayuan responden dengan kos.

Rayuan perayu dibenarkan dan rayuan responden ditolak dengan kos.

Reported by Afiq Mohamad Noor